

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa, 13 Ogos 2024



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN DEMOGRAFI MALAYSIA, SUKU TAHUN KEDUA 2024

KELAHIRAN HIDUP MENURUN 10.2 PERATUS DENGAN IBU BERUMUR 30-39 TAHUN MEREKODKAN KELAHIRAN HIDUP TERTINGGI

PUTRAJAYA, 13 OGOS 2024 - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan laporan berkaitan Perangkaan Demografi yang memaparkan data kelahiran hidup, kematian dan penduduk bagi suku tahun kedua 2024.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Jumlah kelahiran hidup merekodkan penurunan sebanyak 10.2 peratus (100,732 kelahiran) berbanding 112,197 kelahiran pada suku tahun kedua 2023. Bayi lelaki melebihi bayi perempuan dengan 51,759 kelahiran berbanding 48,973 kelahiran. Nisbah jantina bagi kelahiran hidup ialah 106 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Selangor mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu 19,320 (19.2%) manakala kelahiran hidup terendah dicatatkan di Wilayah Persekutuan Labuan (324 kelahiran: 0.3%). Ibu berumur 30-39 tahun merekodkan kelahiran hidup tertinggi iaitu 51,740 (51.4%) pada suku tahun ini, diikuti oleh ibu berumur 20-29 tahun (41.5%), 40 tahun dan lebih (5.4%) dan kurang daripada 20 tahun (1.8%). Secara purata seorang bayi dilahirkan pada setiap minit, 47 bayi bagi setiap jam dan 1,119 bayi sehari pada suku tahun kedua 2024".

Melayu menyumbang 67.4 peratus (67,859 kelahiran hidup) daripada jumlah kelahiran hidup pada suku tahun kedua 2024 (ST2 2023: 67.1%). Kelahiran hidup bagi etnik Cina dan India masing-masing menurun kepada 9.7 peratus dan 3.7 peratus berbanding 9.9 peratus dan 4.4 peratus pada suku tahun kedua 2023. Sementara itu, Bumiputera Lain meningkat kepada 12.9 peratus (ST2 2023: 12.5%). Bumiputera Lain adalah terdiri daripada Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan Bumiputera Semenanjung Malaysia lain. Bumiputera Sabah menyumbang 57.2 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (33.8%), Bajau (30.6%), Murut (6.4%) dan Bumiputera Sabah lain (29.2%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak (32.5%) terdiri daripada Iban (59.3%), Bidayuh (16.7%), Melanau (10.7%) dan Bumiputera Sarawak lain (13.3%).

Mengulas lanjut, sebanyak 48,460 kematian telah direkodkan pada suku tahun kedua 2024, penurunan sebanyak 5.4 peratus berbanding suku tahun kedua 2023 (51,234 kematian). Bilangan kematian bagi lelaki adalah 27,510 manakala 20,950 kematian bagi perempuan. Nisbah jantina bagi kematian ialah 131 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Pada tempoh masa yang sama, Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi iaitu 7,459 kematian (15.4%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan bilangan kematian terendah dengan 65 kematian (0.1%). Kumpulan umur 60 tahun dan lebih merekodkan bilangan tertinggi iaitu 34,043 kematian (70.2%), diikuti umur 41-59 tahun (20.0%), umur 15-40 tahun (7.6%) dan umur 0-14 tahun (2.1%). Secara purata, satu kematian direkodkan pada setiap dua minit, manakala 22 kematian direkodkan setiap jam dan 538 kematian sehari pada suku tahun kedua 2024.

Pada suku tahun kedua 2024, Melayu menyumbang 52.7 peratus (25,540 kematian) daripada jumlah kematian (ST2 2023: 52.8%). Kematian bagi etnik Cina dan India masing-masing menurun kepada 26.0 peratus dan 8.1 peratus, berbanding 26.1 peratus dan 8.2 peratus pada suku kedua 2023. Sementara itu, Bumiputera Lain meningkat kepada 10.5 peratus berbanding 10.2 peratus pada tempoh yang sama. Bumiputera Sabah menyumbang 51.6 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (38.7%), Bajau (26.9%), Murut (5.7%) dan Bumiputera Sabah lain (28.7%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak (42.1%) terdiri daripada

Iban (60.4%), Bidayuh (15.3%), Melanau (14.7%) dan Bumiputera Sarawak lain (9.6%).

Beliau turut menyatakan, “Penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2024 dianggarkan 34.1 juta berbanding suku tahun kedua 2023 (33.4 juta) iaitu peningkatan sebanyak 1.9 peratus. Jumlah penduduk terdiri daripada 30.7 juta (90.0%) Warganegara dan 3.4 juta (10.0%) Bukan Warganegara. Penduduk lelaki meningkat kepada 17.9 juta daripada 17.5 juta pada suku tahun kedua 2023 dan wanita meningkat kepada 16.2 juta daripada 15.9 juta dalam tempoh yang sama. Nisbah jantina keseluruhan penduduk ialah 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan manakala nisbah jantina bagi Warganegara ialah 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Penduduk umur muda (0-14 tahun) kekal tidak berubah pada 7.6 juta. Sementara itu, komposisi penduduk umur bekerja (15-64 tahun) dan penduduk tua (65 tahun dan lebih) masing-masing meningkat daripada 23.3 juta dan 2.5 juta kepada 23.9 juta dan 2.6 juta pada suku kedua 2024”.


Melayu menyumbang 58.1 peratus (17.8 juta) daripada jumlah penduduk pada suku tahun kedua 2024 (ST2 2023: 17.6 juta). Penduduk etnik Cina dan India masing-masing menurun kepada 22.4 peratus dan 6.5 peratus berbanding 22.6 peratus dan 6.6 peratus, sementara Bumiputera Lain meningkat kepada 12.3 peratus berbanding 12.2 peratus pada tempoh yang sama. Bumiputera Sabah menyumbang 56.6 peratus daripada Bumiputera Lain yang terdiri daripada Kadazan/ Dusun (31.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.1%) dan Bumiputera Sabah lain (36.7%). Sementara itu, Bumiputera Sarawak (32.4%) terdiri daripada Iban (59.1%), Bidayuh (17.1%), Melanau (10.6%) dan Bumiputera Sarawak lain (13.2%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Kelahiran hidup dan kematian (bilangan dan kadar) mengikut suku tahun, 2010-2024^p, Malaysia




Jadual 1: Statistik Demografi bagi suku tahun kedua, 2023 dan 2024, Malaysia

Tahun	Jumlah		Lelaki		Perempuan	
	ST2 2023	ST2 2024	ST2 2023	ST2 2024	ST2 2023	ST2 2024
Penduduk (juta)	33.4	34.1	17.5	17.9	15.9	16.2
Kelahiran hidup	112,197	100,732	58,051	51,759	54,146	48,973
Kematian	51,234	48,460	29,078	27,510	22,156	20,950


Carta 2: Penduduk Warganegara mengikut kumpulan etnik, suku tahun kedua 2023 dan 2024, Malaysia




Carta 3: Kelahiran hidup mengikut kumpulan etnik, suku tahun kedua 2023 dan 2024, Malaysia



Cartal 4: Kematian mengikut kumpulan etnik, suku tahun kedua 2023 dan 2024, Malaysia



Carta 5: Transisi Demografi Malaysia, 1911-2022



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
13 OGOS 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, August 13th 2024



MEDIA STATEMENT

**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

DEMOGRAPHIC STATISTICS MALAYSIA, SECOND QUARTER 2024

LIVE BIRTHS DECREASED 10.2 PER CENT WITH MOTHERS AGED 30-39 YEARS RECORDED THE HIGHEST LIVE BIRTHS

PUTRAJAYA, 13th AUGUST 2024 - Department of Statistics, Malaysia has released the report on Demographic Statistics that presents statistics of live births, deaths and population in the second quarter 2024.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The number of live births recorded a decrease of 10.2 per cent (100,732 births) as compared to 112,197 births in the second quarter 2023. Male babies outnumbered female babies with 51,759 births as compared to 48,973 births. Sex ratio of live births was 106 males per 100 females. Selangor recorded the highest live births of 19,320 (19.2%) while Wilayah Persekutuan Labuan recorded the lowest at 324 births (0.3%). Mothers aged 30-39 years recorded the highest live births of 51,740 (51.4%) in this quarter followed by mothers aged 20-29 years (41.5%), 40 years and over (5.4%) and less than 20 years (1.8%). On average, one baby was born per minute, 47 babies per hour and 1,119 babies per day in the second quarter 2024".

Malay accounted 67.4 per cent (67,859 live births) of the total live births in the second quarter 2024 (Q2 2023: 67.1%). Live births for Chinese and Indians decreased to 9.7 per cent and 3.7 per cent, respectively, as compared to 9.9 per cent and 4.4 per cent in the second quarter 2023. Meanwhile, Other Bumiputera increased to 12.9 per cent (Q2 2023: 12.5%). Other Bumiputera consists of Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak and other Bumiputera Peninsular Malaysia. Bumiputera Sabah contributed 57.2 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (33.8%), Bajau (30.6%), Murut (6.4%) and other Sabah Bumiputera (29.2%). Meanwhile, Bumiputera Sarawak (32.5%) comprised Iban (59.3%), Bidayuh (16.7%), Melanau (10.7%) and other Sarawak Bumiputera (13.3%).

Commenting further, a total of 48,460 deaths were recorded in the second quarter 2024, decreased 5.4 per cent as compared to the second quarter 2023 (51,234 deaths). The number of deaths recorded for males were 27,510, while 20,950 deaths for females. Sex ratio of deaths was 131 males per 100 females. In the same period, Selangor recorded the highest number of deaths with 7,459 deaths (15.4%), while Wilayah Persekutuan Putrajaya recorded the lowest with 65 deaths (0.1%). Age group 60 years and over recorded the highest number of deaths at 34,043 deaths (70.2%), followed by age 41-59 years (20.0%), age 15-40 years (7.6%) and age 0-14 years (2.1%). On average, one death was recorded in two minutes, 22 deaths per hour and 538 deaths per day in the second quarter 2024.

In the second quarter 2024, Malay registered 52.7 per cent (25,540 deaths) of total number of deaths (Q2 2023: 52.8%). Deaths for Chinese and Indians decreased to 26.0 per cent and 8.1 per cent, respectively as compared to 26.1 per cent and 8.2 per cent in the second quarter 2023. Meanwhile, Other Bumiputera increased to 10.5 per cent as compared to 10.2 per cent in the same period. Bumiputera Sabah contributed 51.6 per cent of Other Bumiputera which comprised Kadazan/ Dusun (38.7%), Bajau (26.9%), Murut (5.7%) and other Sabah Bumiputera (28.7%). Meanwhile, Bumiputera Sarawak (42.1%) comprised Iban (60.4%), Bidayuh (15.3%), Melanau (14.7%) and other Sarawak Bumiputera (9.6%).

In addition, he also commented that, “Malaysia’s total population in the second quarter 2024 was estimated at 34.1 million as compared to 33.4 million in the second quarter 2023 with a growth of 1.9 per cent. The total population comprised 30.7 million (90.0%) Citizens and 3.4 million (10.0%) Non-citizens. Males population increased to 17.9 million from 17.5 million in the second quarter 2023 and females rose to 16.2 million from 15.9 million in the same period. The overall sex ratio of population was 111 males per 100 females while sex ratio for Citizens was 103 males per 100 females. Young age population (0-14 years old) remained unchanged at 7.6 million. Meanwhile, the composition of working age population (15-64 years) and old population (65 years and over) increased from 23.3 million and 2.5 million to 23.9 million and 2.6 million in the second quarter 2024, respectively”.

Malay accounted 58.1 per cent (17.8 million) of the population in the second quarter 2024 (Q2 2023: 17.6 million). Chinese and Indians decreased at 22.4 per cent and 6.5 per cent, respectively as compared to 22.6 per cent and 6.6 per cent, while Other Bumiputera increased to 12.3 per cent as compared to 12.2 per cent in the same period. Bumiputera Sabah contributed 56.6 per cent of Other Bumiputera which consist Kadazan/ Dusun (31.7%), Bajau (26.5%), Murut (5.1%) and other Sabah Bumiputera (36.7%). Meanwhile, Bumiputera Sarawak (32.4%) comprised Iban (59.1%), Bidayuh (17.1%), Melanau (10.6%) and other Sarawak Bumiputera (13.2%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Live births and deaths (number and rate) by quarterly, 2010-2024^p, Malaysia




Table 1: Demographic statistics for second quarter, 2023 and 2024, Malaysia

Year	Total		Male		Female	
	Q2 2023	Q2 2024	Q2 2023	Q2 2024	Q2 2023	Q2 2024
Population (million)	33.4	34.1	17.5	17.9	15.9	16.2
Live births	112,197	100,732	58,051	51,759	54,146	48,973
Deaths	51,234	48,460	29,078	27,510	22,156	20,950

Chart 2: Citizens by ethnic group, second quarter 2023 and 2024, Malaysia




Chart 3: Live births by ethnic group, second quarter 2023 and 2024, Malaysia




Chart 4: Deaths by ethnic group, second quarter 2023 and 2024, Malaysia





Chart 5: Demographic transition, Malaysia, 1911-2022



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

13th AUGUST 2024